



Ruj.tuan :
Ruj.kami : ANM.PHG.600.15/2/4 Jld 2 (70)
Tarikh : 17 September 2025

SURAT PERINGATAN PERTAMA

**Senarai Edaran
(Seperti Di Lampiran A)**

Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan,

PENGHANTARAN SIJIL PENGESAHAN BAKI TERIMAAN

Adalah dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa, merujuk kepada para 2.6.4 dan para 2.7.2 Lampiran H: Semakan dan Pengesahan Laporan dalam Persekitaran Elektronik Sepenuhnya dan Sistem Terimaan (Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bilangan 3 Tahun 2025), PTJ hendaklah menyemak dan mengesahkan maklumat dalam pelaporan adalah tepat dan betul. Pengesahan hendaklah dilakukan dengan melengkapkan Sijil Pengesahan Baki Terimaan dan mengemukakan kepada JANM Pahang selewat-lewatnya pada 14 haribulan bulan berikutnya.

3. Berdasarkan kepada arahan tersebut, semakan JANM Pahang mendapati masih terdapat PTJ yang belum mengemukakan Pengesahan Baki Terimaan sehingga bulan Ogos 2025 seperti di Lampiran A. Bersama-sama ini dilampirkan status penerimaan Sijil Pengesahan Baki Terimaan bagi Jabatan-jabatan dibawah seliaan JANM Pahang sehingga bulan Ogos 2025.

4. Sehubungan dengan itu, sila kemukakan Sijil Pengesahan Baki Terimaan kepada JANM Pahang dengan kadar segera. Tindakan semakan dan pengesahan laporan oleh PTJ adalah penting bagi memastikan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan disediakan dengan lengkap dan tepat.

5. Kerjasama dan tindakan **SEGERA** adalah diperlukan bagi penerimaan Sijil Pengesahan Baki Terimaan yang berstatus TH (Tidak Hantar) dan K (Kuiri). Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, sila berhubung terus dengan pegawai berikut:

i) Puan Norhasmida binti Mohd Yusof


09-5915022

Sekian terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Inovasi Memperkasa Perakaunan Mampan"

Saya yang menjalankan amanah,


(FREDRICK GUPONG AK TAWAN C.A.(M), ACMA, CGMA)
Pengarah
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Negeri Pahang